

27 MAR 1996

Mahathir-Kerusi

ORANG MELAYU BUKAN LAGI PEMOTONG KAYU

Oleh: Syed Jamil Jaafar

WELLINGTON, 27 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata orang Melayu telah melalui perubahan luar biasa sejak Malaysia mencapai kemerdekaan dan ahli-ahli akademik yang menjalankan kajian mengenai bangsa itu akan mendapati ia adalah sesuatu yang menarik.

Mereka berpeluang memerhati perkembangan dinamik bangsa itu yang akan mempunyai peranan penting dalam mencorakkan masa depan Malaysia, walaupun bukan dunia Melayu dan lingkaran barat Pasifik.

Dalam ucapannya yang merangsangkan fikiran semasa merasmikan Kerusi Pengajian Melayu di Universiti Victoria di sini, Dr Mahathir menyentuh pencapaian Malaysia dan peranan orang Melayu dalam mencapai kejayaan itu.

Beliau berkata sama ada pencapaian Malaysia dalam mendapat status negara maju akan berterusan atau tidak, banyak bergantung kepada keupayaan mengekalkan nilai-nilai moral dan kebudayaan rakyat Malaysia.

Memandangkan orang Melayu merupakan majoriti rakyat Malaysia, merekalah yang akan menentukan kekal atau tidaknya pencapaian rakyat Malaysia.

Dr Mahathir berkata semasa di bawah pemerintahan British, orang Melayu dipelihara sebagai "Nature's Gentlemen" (orang yang secara semula jadi berbudi bahasa).

"Mereka merupakan orang yang mudah berpuas hati, yang menerima pemerintahan British sebagai sesuatu yang memang sepatutnya. Dan jika British menentukan bahawa mereka patut kekal sebagai pemotong kayu dan pengangkut air, apa salahnya?

"Bukankah mereka selalu menjadi pemotong kayu dan pengangkut air? Dan apabila Perang Dunia II berakhir mereka dengan rela menerima kembali pemerintahan penjajah British."

Kemudian secara tiba-tiba berlaku perubahan apabila orang Melayu, tidak seperti sifat kebiasaannya, membantah satu rancangan British untuk membentuk kesatuan negeri-negeri Melayu.

Orang yang mereka anggap "Nature's gentlemen" itu sudah tidak demikian lagi sifatnya -- melakukan bantahan, tunjuk perasaan dan menubuhkan parti politik "kebangsaan" yang tidak mengendahkan kesetiaan kepada negeri mereka sendiri.

"Dengan begitu cepat sekali sifat dan fahaman mereka berubah. Mereka malah belajar menyorak 'boo' kepada anggota-anggota Parlimen British yang datang untuk menyiasat apa yang berlaku di negeri-negeri Melayu pada masa itu," kata Dr Mahathir.

Proses perubahan budaya orang Melayu yang bermula pada waktu itu tidak berhenti, sebaliknya ia terus berkembang dengan lebih rancak.

"Kalau dulu mereka pernah secara sopan menolak pencalonan mengetuai parti-parti politik kerana mereka menganggap sebagai tidak layak, mereka kini berkempen secara terbuka dan lantang untuk menunjukkan kebaikan dan kelayakan diri mereka sendiri," katanya.

Perdana Menteri juga bercakap panjang lebar mengenai Dasar Ekonomi Baru (DEB), sambil menampal mereka yang mencela dasar itu dahulu.

Beliau berkata semasa DEB diumumkan sebagai satu program tindakan untuk membawa orang Melayu dan bumiputera ke dalam arus perdana ekonomi, ia mendapat ulasan yang pedas daripada media Barat.

DEB dicela sebagai dasar yang berbentuk perkauman dan anti rakyat keturunan Cina walaupun majoriti orang Cina tidak berkecil hati malah memberi kerjasama dalam proses pelaksanaannya.

Dr Mahathir berkata selepas 20 tahun pelaksanaan DEB, Malaysia menjadi

lebih seimbang daripada segi ekonomi dan stabil daripada segi politiknya manakala perhubungan antara kaum semakin baik.

Setelah gagal menimbulkan kemarahan kaum dengan mengeksploitasikan DEB, media asing dan pihak-pihak lain kini mengutuk program itu kerana, bagi mereka, ia telah menjadikan beberapa kerat orang Melayu tertentu kaya -- orang Melayu yang dikatakan rakan kepada pemimpin-pemimpin parti pemerintah, Umno.

"Memang benar orang Melayu berkenaan rapat dengan pemimpin kerajaan tetapi kerajaan Malaysia juga rapat dengan semua ahli perniagaan dari semua bangsa, sesetengahnya yang berjaya," kata Perdana Menteri.

"Selalunya mereka tidak rapat sebelum mereka berjaya. Mereka menjadi rapat setelah menunjukkan kemampuan dalam perniagaan.

"Dan banyak orang Melayu yang merupakan rakan dan teman menteri-menteri Melayu hari ini masih miskin seperti dulu.

"Bukan soal rapat yang menjadi perkiraan. Sebaliknya, kemampuan untuk berjaya dalam perniagaan."

Dr Mahathir berkata mereka yang mendapat faedah daripada DEB bukan sahaja jutawan tetapi juga beratus ribu orang bumiputera menerusi latihan, skim pinjaman, lesen, kontrak dan bimbingan oleh kementerian-kementerian.

"Untuk merendah-rendahkan DEB dengan dakwaan kononnya ia memanfaatkan hanya beberapa orang rakan Perdana Menteri adalah sesuatu yang tidak jujur dan bercorak sinis," katanya sambil menegaskan bahawa tidak ada program sosial yang boleh menjadikan semua orang jutawan.

Dr Mahathir berkata orang sering memperkatakan tentang kesamarataan kaum dan bahawa warna kulit tidak harus membezakan manusia.

Tetapi kenyataannya masih menunjukkan banyak orang yang mengaitkan warna kulit dengan keintelektualan dan sifat-sifat lain.

"Oleh itu pencapaian luar biasa Asia Tenggara dianggap berpunca daripada orang China seberang laut. Orang Melayu yang berkulit sawo matang itu yang merupakan masyarakat peribumi Asia Tenggara diketepikan kononnya tidak berkaitan dengan kemajuan dan pencapaian Asean," katanya.

"Pendapat itu mengandungi prasangka besar," katanya.

Dengan berakhirnya Perang Dingin, USSR tidak lagi menjadi musuh dan satu musuh baru diperlukan untuk menyokong ego nasionalis, untuk menjadi penjahat baru dalam novel dan filem baru.

"Dan musuh baru itu ialah Islam dan umat Islam. Mereka mudah mengubah pendirian, tidak berprinsip, suka bertindak ganas dan umumnya tidak mampu mentadbir diri mereka dan membangunkan negara-negara mereka," katanya.

"Orang Melayu adalah umat Islam dan oleh itu mesti dimasukkan ke dalam momokan baru ini.

"Seterusnya dalam artikel dan laporan media, begitulah caranya orang Melayu digambarkan.

"Malahan ada orang pernah menyifatkan mereka dengan maksud menghina sebagai 'Arab hutan' berbanding dengan Arab padang pasir."

Tetapi Malaysia hari ini ialah negara yang aman dan selamat yang membangun pada kadar pertumbuhan purata 6.7 peratus sejak kemerdekaannya dan 8 peratus sejak lapan tahun lepas.

Pendapatan perkapitanya telah meningkat daripada AS\$300 pada masa ia mencapai kemerdekaan kepada AS\$4,000 hari ini dan daripada negara yang bergantung sepenuhnya kepada eksport bijih timah dan getah, eksportnya sekarang merangkumi 78 peratus barangan pembuatan.

"Namun Malaysia secara umumnya ialah negara Melayu, ditadbirkan oleh majoriti Melayu Islam. Bagaimana pula perkara yang sering diperkatakan tentang Islam dan orang Melayu nampaknya tidak berlaku di Malaysia?" tanya Perdana Menteri.

"...tidak mungkinkah orang Melayu yang berkulit 'sawo matang' itu mempunyai kaitan dengannya?" -- BERNAMA

SJ NAK NMO